

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

17. Nyatakan strategi dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri yang melaksanakan transaksi tanpa tunai bagi semua urusan kerajaan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Selaras dengan Visi Penang2030: *A Family Focused, Green and Smart State*, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan inisiatif transaksi tanpa tunai sebagai pemangkin kepada matlamat menjadi Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Transaksi Tanpa Tunai telah ditubuhkan pada 2 Januari 2020 dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa. Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Bank Negara Malaysia, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, pihak bank dan penyedia perkhidmatan *e-money*. Tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan adalah bagi menyelaraskan usaha-usaha mengerakkan inisiatif ini dalam kalangan tiga (3) kumpulan sasar iaitu agensi kerajaan, pelanggan dan peniaga.

Bagi mengerakkan usaha transaksi tanpa tunai untuk semua urusan kerajaan, pihak Bahagian Kerajaan Tempatan telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Transaksi Tanpa

Tunai Untuk Urusan Kerajaan. Sehubungan itu, jawatankuasa tersebut telah merangka enam (6) strategi bagi menggerakkan inisiatif ini seperti berikut:

- (i) Mempertingkatkan penggunaan sistem e-bayar di semua agensi Kerajaan Negeri;
- (ii) Memperbanyakkan transaksi pembayaran menggunakan sistem e-bayar iaitu sistem bayaran tanpa tunai sedia ada yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri;
- (iii) Menambahkan penggunaan kaedah pembayaran tanpa tunai yang lain seperti *e-money* dan *e-wallet* bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri;
- (iv) Melaksanakan kempen kesedaran penggunaan pembayaran tanpa tunai secara kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Bank Negara Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan penyedia perkhidmatan kewangan;
- (v) Melaksanakan program pendidikan penggunaan pembayaran tanpa tunai secara bersasar. Program ini akan diadakan secara *roadshow* di program-program besar melibatkan Kerajaan Negeri. Insentif juga akan diberikan kepada pengguna yang membayar secara tanpa tunai di *roadshow* tersebut; dan
- (vi) Mengadakan perbincangan dengan syarikat telekomunikasi untuk mempertingkatkan perkhidmatan internet di premis kerajaan untuk memudahkan transaksi tanpa tunai dilaksanakan.

Kerajaan Negeri percaya melalui strategi ini, hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Kerajaan Negeri yang melaksanakan transaksi tanpa tunai bagi semua urusan kerajaan akan berjaya seterusnya dapat merealisasikan Visi Penang2030 iaitu menjadi Negeri Pintar Bertaraf Antarabangsa.